Kenyataan Media

MCMC FOKUS LINDUNGI RAKYAT DARIPADA KEMUDARATAN DALAM TALIAN

CYBERJAYA, 8 Ogos 2024 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah diberi mandat untuk mengawal selia industri komunikasi dan multimedia bagi melindungi rakyat khususnya golongan yang terdedah kepada kemudaratan dalam talian.

Berdasarkan statistik dari 1 Januari 2022 sehingga 1 Ogos 2024, sejumlah 10,423 laman sesawang telah disekat susulan pelanggaran undang-undang. Daripada jumlah tersebut, 95.7% laman sesawang yang disekat adalah dalam lima kategori utama berikut:

KATEGORI	JUMLAH
Perjudian dalam talian	4,484
Pornografi dalam talian	3,271
Pelanggaran hak cipta dalam talian	1,654
Scam / Pelaburan haram dalam talian	316
Pelacuran dalam talian	249

Dalam tempoh lima tahun, jumlah sekatan laman sesawang yang mempunyai kandungan kemudaratan dalam talian tertinggi direkodkan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 6,571. Jumlah ini menunjukkan trend penurunan sehingga Ogos 2024. (Rujuk lampiran)

Sebagai mekanisme perlindungan kepada pengguna, sekatan yang dilakukan adalah mengikut Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998), serta undang-undang di bawah bidang kuasa agensi-agensi penguatkuasaan yang lain antaranya Polis Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, serta Suruhanjaya Sekuriti.

Dalam konteks yang lebih besar, sekatan kepada laman-laman sesawang turut dapat mengekang jenayah-jenayah lain antaranya pemerdagangan manusia, pengantunan kanak-kanak, penjualan bahan terlarang seperti dadah, serta jenayah terancang yang lain.

Bagi memastikan sekatan-sekatan ini kekal berkesan dan selari dengan perkembangan teknologi, MCMC komited bekerjasama rapat dengan penyedia perkhidmatan tempatan bagi menambah baik dan memperkukuh langkah-langkah pencegahan dan perlindungan termasuklah dalam aspek pengurusan *Domain Name System (DNS)*. Kerjasama MCMC dan penyedia perkhidmatan dapat memastikan persekitaran dalam talian yang selamat, seterusnya menjamin keselamatan segenap lapisan pengguna.

Ini adalah selaras dengan 10 Matlamat Dasar Kebangsaan di bawah AKM 1998 termasuk menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian.

Usaha ini juga memerlukan pendekatan holistik keseluruhan negara (*whole-of-nation*) daripada segenap lapisan masyarakat untuk tidak melangkaui (*bypass*) mekanisme perlindungan tersedia yang boleh memberi kesan negatif kepada diri serta keluarga, khususnya remaja dan kanak-kanak.

LAMPIRAN

Tahun	2020	2021	2022	2023	2024*	JUMLAH
Sekatan	3,370	6,571	4,572	3,724	2,127	20,364

* Data Sehingga 1 Ogos 2024

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | **F**: + 60 3 86 88 10 00 | **E**: corporate.communications@mcmc.gov.my | **W**: www.mcmc.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia | MCMC_RASMI | SKMM_MCMC | MCMCTV